

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

10. Kerajaan Pusat mempunyai program khas seperti "*Pioneer Status*" untuk membantu kilang-kilang dari negara asing.
- (a) Apakah cabaran / persaingan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kilang tempatan selama ini? Huraikan.
 - (b) Apakah program / bantuan yang telah dan akan disalurkan oleh Kerajaan Pusat / Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha-pengusaha kilang tempatan? Huraikan dengan terperinci.

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Antara cabaran-cabaran yang telah dikenalpasti dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kilang tempatan adalah seperti berikut:
- (i) Masalah dari segi sumber manusia iaitu kesukaran untuk mendapatkan dan mengekalkan pekerja mahir dan berkelayakan tinggi seperti juruteknik dan jurutera.
 - (ii) Pertambahan kos operasi perniagaan akibat Polisi Kerajaan Pusat untuk meningkatkan gaji minima.
 - (iii) Kesukaran mendapat akses kepada

institusi kewangan bagi menampung keperluan modal perniagaan.

- (iv) Kebergantungan kepada tenaga buruh dan bukannya teknologi automasi atau robotik yang dapat membantu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos.
- (v) Persaingan dari syarikat-syarikat global di negara serantau memberi impak terhadap syarikat pengusaha-pengusaha kilang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan. Syarikat-syarikat global yang terdapat di Thailand, Vietnam ataupun Indonesia menawarkan harga atau pun kapasiti pengeluaran yang lebih kompetitif berbanding apa yang mampu ditawarkan oleh syarikat IKS tempatan.

Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan *Invest-In Penang*, telah mengambil pendekatan menyeluruh dalam merangka dan melaksana program yang bertujuan membantu serta menggalakkan pembangunan pengusaha-pengusaha kilang IKS tempatan. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Menubuhkan *SMART Centre (SME Market Advisory, Resource & Training Centre)* bagi menyediakan bantuan khidmat nasihat mengenai maklumat pasaran, pembangunan perniagaan serta menganjurkan sesi latihan kepada pengusaha IKS mengenai pengurusan perniagaan. *SMART Centre* juga menganjurkan sesi pemadanan perniagaan kepada pengusaha-pengusaha IKS tempatan dengan tujuan untuk memperkembangkan jaringan dan rantaian perniagaan mereka;
- (ii) Membina sebuah bangunan 4 tingkat di Fasa 4, Taman Perindustrian Bayan Lepas yang dikenali sebagai *Penang SME Centre* sebagai pusat inkubasi dan menyediakan ruang kilang kepada pengusaha-

pengusaha IKS yang tidak mampu memiliki premis sendiri. Subsidi sewa yang diberikan dapat mengurangkan beban kos perniagaan dan meningkatkan daya saing IKS di pasaran antarabangsa;

- (iii) Membangunkan projek *SME Village* di atas tanah seluas 150 ekar di Taman Perindustrian Batu Kawan dengan menyediakan unit-unit kilang siap bina dan plot-plot tanah berkeluasan kecil bagi menampung permintaan daripada pengusaha IKS baru dan sedia ada;
- (iv) Membangunkan tapak IKS terutama di kawasan luar bandar seperti Bukit Minyak. Kilang-kilang IKS yang sedia ada juga disediakan untuk disewa kepada pengusaha IKS. Kadar sewa yang ditawarkan adalah pada kadar yang lebih rendah dari kadar sewa pasaran; dan
- (v) Menyediakan dana “*The Penang i4.0 seed fund*” yang menawarkan pembiayaan sehingga RM250,000.00 untuk membantu syarikat “*tech start up*” yang mempunyai produk dan perkhidmatan teknologi inovatif untuk mencapai ke tahap pengkomersialan. Selain itu, perkhidmatan tambah nilai seperti “*mentorship*” dan “*linkages*” juga turut disediakan.

Selain peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri, kerjasama juga dijalin dengan agensi Kerajaan Persekutuan dalam pemberian geran kewangan ataupun insentif lain seperti yang ditawarkan oleh *Malaysian Investment and Development Agency* (MIDA).